

## Perubahan Makna Pragmatik bagi Kata Pinjaman dalam Bahasa Melayu: Satu Pedoman Etimologi

### *Pragmatic Meaning Shifts of Loanwords in Malay: An Etymological Guide*

MOHAMAD HAKIMI MOHAMAD<sup>1</sup>, CHONG SHIN<sup>1\*</sup> & JAMES T. COLLINS<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia

<sup>2</sup>Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia

\*Penulis koresponden: [chongshin@ukm.edu.my](mailto:chongshin@ukm.edu.my)

Received: 15 May 2026 ; Accepted: 10 July 2026

#### ABSTRAK

Sebagai sebuah bahasa yang hidup dan dinamik, perbendaharaan kata dalam bahasa Melayu terus berkembang melalui penyerapan kosa kata asing. Penggunaan kata seperti *astaganaga* dan *gohek gostan* dalam kalangan komuniti bahasa Melayu menjadi bukti yang nyata bahawa wujudnya fenomena penyerapan kosa kata asing dalam bahasa Melayu sekali gus menandakan kekreatifan mereka dalam berdwibahasa. Kajian ini dijalankan dengan objektif untuk mengenal pasti penyerapan kosa kata asing daripada bahasa Arab dan Inggeris dalam bahasa Melayu serta merangka maklumat etimologi bagi kosa kata serapan daripada kedua-dua bahasa tersebut. Makalah berteraskan pendekatan kualitatif melalui kaedah kepustakaan ini telah memanfaatkan sorotan kosa ilmu kajian lepas, melayari korpus data kebahasaan yang boleh diakses secara dalam talian dan meneliti sumber kamus bahasa Melayu bagi meraih rekod data kebahasaan yang diperlukan. Enam pedoman etimologi yang digagaskan oleh Collins (2003) telah dijadikan sebagai teras dalam penganalisisan maklumat etimologi bagi 10 daftar kata bahasa Melayu terpilih, iaitu lima kata pinjaman daripada bahasa Arab seperti (*astaga/astaganaga*, *alamak*, *alasan*, *amin* dan *bedaah*) dan lima kata pinjaman daripada bahasa Inggeris seperti (*bekwah*, *basteng*, *gohek*, *gostan* dan *romen*). Pemilihan sepuluh kata sebagai sampel kajian ini adalah berorientasikan kaedah persampelan bertujuan. Berdasarkan hasil analisis, kesemua kata pinjaman tersebut memperlihatkan peluasan dan penyimpangan makna daripada bahasa sumbernya melalui pemberian makna baharu. Kajian ini memberikan implikasi pada aspek teoritikal, iaitu pedoman etimologi Collins (2003) perlu dikembangkan dengan merangkumi sisi makna pragmatik sebagaimana yang difahami oleh pengguna bahasanya, iaitu pengabsahan kata pinjaman tidak seharusnya dilihat pada persamaan makna dan pandangan alam dalam bahasa sumber/asal semata-mata, bahkan perlu mengambil kira peluasan makna pragmatiknya.

Kata kunci: Leksikografi; Etimologi; Penyerapan Kata Asing; Perkembangan Bahasa Melayu

#### ABSTRACT

As a living and dynamic language, the Malay lexicon continues to expand through the adaptation of foreign vocabulary. The usage of terms such as *astaganaga* and *gohek-gostan* within the Malay-speaking community serves as clear evidence of foreign lexical assimilation, while simultaneously highlighting the bilingual creativity of its speakers. This study aims to identify the absorption of foreign vocabulary from Arabic and English into the Malay language and to formulate etymological data for these loanwords. Adopting a qualitative approach through a library-based research method, this paper utilizes a comprehensive literature review, navigates accessible online linguistic corpora, and examines Malay dictionaries to retrieve the required linguistic data. Six etymological principles proposed by Collins (2003) serve as the core framework for analyzing 10 selected Malay headwords: five Arabic loanwords (*astaga/astaganaga*, *alamak*, *alasan*, *amin*, and *bedaah*) and five English loanwords (*bekwah*, *basteng*, *gohek*, *gostan*, and *romen*). The selection of the ten words as the research sample is based on a purposive sampling method. The findings indicate that all selected loanwords have undergone exhibit semantic extension and semantic shift from their source

*languages through the assignment of new meanings. This study offers theoretical implications, suggesting that Collins' (2003) etymological framework should be expanded to incorporate pragmatic dimensions as understood by the speech community. Specifically, the validation of loanwords should not rely solely on semantic equivalence or the worldview of the source language, but must also account for the expansion of pragmatic meaning.*

*Keywords: Lexicography; Etymology; Absorption of Foreign Words; Development of the Malay Language*

## PENGENALAN

Sudah menjadi suatu lumrah hidup sosial sesama manusia yang saling memerlukan, kita cenderung untuk saling meminjam antara satu sama lain dan menyerahkan kembali pinjaman tersebut dalam keadaan asal kepada pemiliknya sesudah menggunakannya. Namun, bentuk peminjaman sebegini tidak berlaku dalam konteks bahasa kerana kata pinjaman dan penyerapan bahasa asing hanya berlaku pada peringkat abstrak dan bahasa itu sendiri bersifat dinamik. Apabila sesebuah bahasa meminjam atau menyerap perkataan daripada bahasa lain, perkataan tersebut akan diserap, diadaptasi dan diintegrasikan ke dalam sistem fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik bahasa peminjam/penerima lalu menjadikannya sebahagian daripada perbendaharaan kata dalam bahasa penerima.

Proses peminjaman dan penyerapan daripada sesebuah bahasa sumber ini terjadi secara alami melalui banyak faktor, antaranya seperti perkahwinan campur, perkongsian teknologi, pentadbiran, penghijrahan, penjajahan dan lain-lain lagi. Akan tetapi, dari segi pilihan kosa kata, faktor-faktor tersebut tiada bandingannya dengan cita rasa pengguna sesebuah bahasa sebagaimana yang dinyatakan oleh Collins (2018) bahawa sesungguhnya pemilihan kosa kata terletak pada cita rasa pengguna bahasa, bukan daya cipta birokrat bahasa. Melalui penyerapan kosa kata asing ini, bahasa Melayu mengalami “pengembangan” yang berlaku secara alami dalam kehidupan sehari-harian dan ada kalanya terjadi “pengembangan” menerusi hasil usaha birokrasi pembinaan dan pengembangan bahasa.

Kata-kata pinjaman dan serapan dalam bahasa Melayu tidak seharusnya lagi dilihat sebagai suatu gejala yang asing, tetapi telah menjadi unsur intrinsik (*intrinsic*) dalam komunikasi seharian penutur bahasa tersebut. Oleh itu, konsep “memulangkan” kata pinjaman seharusnya tidak timbul kerana kata pinjaman itu telah menjadi sebahagian daripada warisan linguistik dalam bahasa penerima yang secara tidak langsung telah memperkaya dan mengembangkan lagi keupayaan ekspresifnya. Usaha untuk memulangkan atau menjelmakan

bentuk asal bagi kata-kata ini akan menjadi tidak praktikal dan bertentangan dengan evolusi semula jadi bahasa yang sentiasa berubah dan berinteraksi dengan bahasa lain.

Tambahan pula, fenomena peminjaman bahasa terjadi melalui proses pertembungan budaya antara bahasa yang berbeza. Bloomfield (1933) menghuraikan konsep peminjaman budaya sebagai suatu proses pengambilan unsur linguistik, terutamanya perbendaharaan kata yang berlaku apabila dua komuniti bahasa yang berbeza latar belakang geografi atau politik berinteraksi melalui perdagangan, penyebaran agama atau pertukaran idea. Peminjaman ini lazimnya bersifat timbal balik dan berfungsi untuk mengisi kekosongan leksikal apabila sesebuah masyarakat diperkenalkan kepada objek, teknologi atau konsep baharu daripada budaya asing. Bloomfield turut menekankan bahawa arah peminjaman ini sering dipengaruhi oleh faktor prestij, iaitu apabila komuniti bahasa yang dianggap lebih dominan atau maju dalam bidang tertentu akan menjadi sumber rujukan utama istilah bagi masyarakat lain melalui proses penyerapan budaya.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian Zaharani et al. (2011) telah menegaskan bahawa penyerapan kata asing bukan sekadar membawa kata leksikal tetapi disertai dengan sistem nahu yang membina kata tersebut. Tambahan pula, hal ini akan menyebabkan berlakunya pertembungan antara sistem fonologi bahasa sumber dengan bahasa sasaran, dan kesannya menimbulkan dua gejala kebahasaan, iaitu (i) kata asing itu mengalami perubahan dan penyesuaian kerana keperluan untuk mematuhi sistem fonologi bahasa Melayu, dan (ii) kata asing itu mengekalkan bentuk asalnya lalu membawa masuk ciri baharu serta melanggar sistem fonologi bahasa Melayu. Yang digaribawahi oleh kajian mereka ialah kesan daripada penyerapan unsur asing tersebut akan mencetuskan gejala kebahasaan yang dikenali sebagai bahasa rojak, iaitu penggunaan bahasa yang bercampur aduk antara sistem bahasa asing dengan sistem bahasa tempatan lalu menghakis identiti dan jati diri bahasa Melayu.

Ironinya, sering kali kita mendengar istilah “bahasa rojak” sebagai suatu pelabelan negatif terhadap penggunaan kata-kata dalam bahasa Melayu yang bercampur aduk dengan bahasa asing. Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati bahawa tidak semua pelabelan tersebut adalah tepat, bahkan terdapat kecenderungan berlakunya bias atau pilih bulu dalam isu pelabelan bahasa rojak tersebut. Pernyataan ini merupakan satu sanggahan/kritikan ilmiah terhadap beberapa pelabelan bahasa rojak sebagaimana kajian Shafiee et al. (2019) yang menyatakan bahawa aliran pertuturan bahasa rojak ini mencerminkan ketidakpercayaan terhadap bahasa Melayu dan penggunaan bahasa kebangsaan yang betul. Namun, mengapakah pelabelan sebegini tidak diberikan kepada percampuran antara penggunaan kata bahasa Melayu dengan bahasa Arab, Parsi dan Sanskrit? Hal ini dikatakan demikian kerana pada kebiasaannya, penggunaan bahasa campuran bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris sahaja yang menerima dampak ketara daripada pelabelan ini, sedangkan penggunaan bahasa campuran dan meminjaman daripada bahasa asing yang lain tidak pula menerima nasib pelabelan yang serupa. Misalnya, sisipan penggunaan kata asing daripada bahasa Arab, Parsi dan Sanskrit dalam penulisan atau pertuturan pula cenderung untuk dianggap sebagai lebih beragama, mulia dan puitis.

Kajian Nurhaliza Kusuma Badsa (2025) melihat bahasa rojak secara dwiperspektif kerana pada satu sisi, ia diiktiraf sebagai fenomena pidgin yang dinamik dan mempamerkan kebolehsuaian linguistik masyarakat heterogen dalam komunikasi harian; namun di sisi yang lain, kajiannya juga menilai bahasa rojak secara kritikal melalui lensa pascakolonial sebagai satu manifestasi peniruan tidak sempurna (*mimicry*) dan ancaman (*mockery*) yang timbul akibat minda orientalisme warganegara tempatan yang memandang rendah bahasa ibunda mereka sendiri, sehinggakan struktur bahasa rojak yang bercampur-aduk dan tidak standard itu dianggap sebagai suatu penghinaan serta ancaman kepada keaslian bahasa Melayu dan bahasa Inggeris rasmi. Sorotan terhadap artikel kajian lain berkaitan isu bahasa rojak juga mendapati bahawa fenomena ini lebih banyak menekankan permasalahan bahasa campuran antara bahasa Melayu dan bahasa Inggeris berbanding bahasa asing yang lain. Pengkaji berpandangan bahawa stigma ini terbentuk kerana faktor sejarah penyerapan bahasa Inggeris ini ke dalam bahasa Melayu yang masih dibayangi oleh kekejaman kuasa penjajahan berbanding penyerapan

bahasa Arab, Parsi dan Sanskrit yang cenderung dianggap lebih suci melalui pengaruh keagamaan Islam dan Hindu-Buddha.

Dalam pada itu, Dewan Bahasa dan Pustaka (1975) turut membenarkan perminjaman kosa kata asing dan menggariskan bahawa istilah asing boleh dipinjam atas dasar: (a) sesuai maknanya; (b) lebih singkat daripada terjemahan bahasa Melayunya; dan (c) istilah asing yang diserap itu mempermudah penyelarasan, sekiranya istilah bahasa Melayunya mempunyai banyak sinonim. Meskipun sudah terdapat garis panduan peminjaman istilah asing sebegini, permasalahan yang masih timbul ialah sejauh manakah konsistennya kita dalam mengikuti garis panduan ini? dan bagaimanakah tahap penerimaan masyarakat pengguna bahasa Melayu terhadap penyerapan kosa kata asing dan peminjaman istilah? Justeru, perbahasan dalam makalah ini berteraskan dua objektif utama, iaitu mengenal pasti penyerapan kosa kata asing daripada bahasa Arab dan Inggeris dalam bahasa Melayu serta merangka maklumat etimologi bagi kosa kata serapan daripada kedua-dua bahasa tersebut.

## METODOLOGI

Reka bentuk kajian yang menunjangi penelitian etimologi dalam makalah ini ialah kajian kualitatif melalui kaedah kepustakaan dengan memanfaatkan sorotan kosa ilmu kajian lepas, melayari korpus data kebahasaan yang boleh diakses secara dalam talian dan meneliti sumber kamus bahasa Melayu. Antara korpus data raya kebahasaan yang dilayari oleh pengkaji bagi meraih data kajian ialah *Etymonline: Online Etymology Dictionary* (ETY), *The Austronesian Comparative Dictionary* (ACD), *Oxford English Dictionary* (OED), Kamus Besar Bahasa Indonesia VI Daring (KBBI VI Daring) dan Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (KDBP). Kamus Dewan Perdana (KDP) merupakan kamus utama yang ditinjau oleh pengkaji untuk mendapatkan persampelan data bagi kata pinjaman dalam bahasa Melayu terpilih.

Dari segi persampelan, pengkaji memilih kaedah persampelan bertujuan, iaitu pemilihan berfokus kepada sejumlah data dengan tujuan yang spesifik. Dalam hal ini, sebanyak sepuluh kata pinjaman dari bahasa Arab dan bahasa Inggeris telah dipilih untuk dianalisis juga kerana faktor keterbatasan ruang dan jumlah patah perkataan dalam makalah. Justifikasi pemilihan sepuluh kata pinjaman ini dipandu oleh beberapa kriteria kontekstual yang khusus. Pertama,

kosa kata yang dipilih tersebut merupakan leksikon yang tidak berstatus arkaik dan masih sebatik dalam pertuturan harian/bahasa kolokial walaupun telah mengalami peluasan makna atau perubahan makna yang ketara sehingga sukar untuk menggalurkan ke akar etimologi asalnya. Kedua, sampel ini sengaja dipilih secara rentas domain bagi merangkumi kepelbagaian latar sosiolinguistik masyarakat Melayu, termasuk laras keagamaan, budaya popular, istilah teknikal harian, dan leksikal khas dialek yang secara tidak langsungnya dapat membuktikan bahawa evolusi makna ini berlaku secara rencam. Akhir sekali, had bilangan sepuluh sampel tersebut bertindak sebagai strategi pengecilan skop yang munasabah demi memastikan analisis dapat diaplikasikan secara optimum dan berfokus.

Dalam usaha membina jaringan maklumat etimologi bagi kosa kata terpilih dalam makalah ini, pengkaji telah mengimplementasikan pedoman etimologi Collins (2003) sebagai kerangka teori. Secara tuntasnya, terdapat enam pedoman etimologi yang diaplikasikan dalam kajian ini, iaitu: (i) sebelum meneliti sesuatu etimologi, pastikan ketika

kata itu muncul untuk pertama kalinya; (ii) sejarah dan geografi harus dipertimbangkan kerana kata-kata hanya dapat dipinjam melalui pertembungan bahasa; (iii) kesepadanan bunyi yang telah diketahui harus berlandaskan usaha etimologi; (iv) tekanan harus diberi pada kata lisan kerana sebutan dapat menjelaskan percanggahan teks dan menyoroti etimologi yang betul; (v) dialek-dialek daerah merupakan sumber penting dalam etimologi kerana sering kali kata-kata purba dikekalkan dalam sesuatu dialek; dan (vi) setiap unsur kata harus diterangkan kerana penjelasan sebahagian kata sahaja tidak meyakinkan.

## DATA KAJIAN

Kajian ini akan memilih 10 kosa kata pinjaman asing untuk dianalisis, iaitu lima patah perkataan kata serapan dari bahasa Arab dan lima kata pinjaman dari bahasa Inggeris. Paparan dalam Jadual 1 menunjukkan kosa kata serapan daripada bahasa Arab yang dipilih dari KDP dan KBBI VI Daring.

JADUAL 1. Paparan Maklumat Entri bagi Kosa Kata Serapan daripada Bahasa Arab dalam Kamus Bahasa Melayu

| Bil. | Kosa Kata | Kamus Rujukan  | Maklumat Entri                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
|------|-----------|----------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1    | Astaga    | KDP            | astaga, astaga perlah [as.ta.ga], [as.ta.ga pərlah]<br><i>Id bb sr</i> digunakan utk menyatakan rasa terkejut, kehairanan dsb.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
|      |           | KBBI VI Daring | astaga, astaganaga [as.ta.ga], [as.ta.ga.na.ga]<br><i>p cak</i> astagfirullah; astaga                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
| 2    | Alamak    | KDP            | alamak [a.la.maʔ]<br><i>sr</i> 1 digunakan utk menunjukkan rasa terkejut atau panik dgn sst keadaan, perkara dsb: <i>Alamak, nahas kita kali ini!</i> ♦ <i>Alamak, kita sudah silap jalan!</i><br>2 digunakan utk menyindir: <i>Alamak, katanya orang kaya tetapi kedekut!</i>                                                                                                                                                                                                                                                          |
| 3    | Alasan    | KDP            | alasan [a.la.san]<br><i>n</i> 1 hal atau sebab yg menjadi pendorong sst tindakan: <i>Apakah alasan dia tidak datang ke sekolah?</i> ♦ <i>Taman ini terpaksa ditutup atas alasan keselamatan.</i> 2 asas atau dasar yg kukuh utk menyokong sst tindakan, keputusan dsb: <i>Mohon nyatakan sama ada ayat berikut betul atau salah, dan nyatakan alasannya sekali!</i> ♦ <i>Mereka mempunyai alasan tersendiri utk tidak melantiknya sbg ketua.</i> 3 sst yg dijadikan sebagai alas: <i>Jalankan jentera di tengah-tengah kayu alasan.</i> |
| 4    | Amin      | KPD            | amin1 [a.min]<br><i>n</i> kata yg disebut sewaktu atau selepas berdoa yg bermaksud kabulkanlah, perkenankanlah dsb: <i>Sebaik sahaja doa selesai dibaca, kami mengucapkan amin.</i><br><br>amin2 [a.min]<br><i>adj</i> 1 (bkn sifat sso) amanah dan jujur: Seorang hakim harus bersifat amin.<br><i>n</i> 2 orang yg boleh dipercayai utk memegang sst amanah, tanggungjawab dsb.<br>ASAL: [drp <i>Ar</i> amin 'yg dapat dipercayai, diandalkan, yg tulus']                                                                             |

bersambung ...

... sambungan

|   |        |     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
|---|--------|-----|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 5 | Bedaah | KDP | bedaa [be.da.ah]<br><i>Kel Trg adj</i> berlebih-lebihan atau melampau dlm bertindak, melakukan sst dsb; bedaah lalu a <i>Kel Trg</i> (bkn perbuatan atau sifat) sangat melampau; b <i>Kel Trg</i> (bkn jumlah yg tidak dapat dihitung) terlalu banyak.<br><br>bedooh [be.do.oh] <i>Trg</i> ► bedaah |
|---|--------|-----|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

Jadual 2 berikut pula menyenaraikan lima data pilihan kosa kata serapan daripada bahasa Inggeris yang dimuatkan dalam KDP.

JADUAL 2. Paparan Maklumat Entri bagi Kosa Kata Serapan daripada Bahasa Inggeris dalam Kamus Bahasa Melayu

| Bil. | Kosa Kata | KDP | Maklumat Entri                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
|------|-----------|-----|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1    | Bekwah    | KDP | bekwah [beʔ.wah] <i>Kel Trg</i><br><i>n</i> 1 majlis jamuan makan utk meraikan perkahwinan atau kesyukuran; 2 <i>ark</i> kenduri arwah.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
| 2    | Basteng   | KDP | *Tiada                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
| 3    | Gohek     | KDP | gohek [go.heʔ]<br><i>ktt</i> 1 <i>Kel Trg</i> mengizinkan atau membenarkan sso utk melakukan sst;<br><br><i>kt</i> 2 <i>Kel Trg</i> menggerakkan (kenderaan) ke hadapan;<br><br>3 <i>Kel</i> menarik (pemegang pam air atau alat mengepam racun) ke atas dan ke bawah atau ke depan dan ke belakang utk menyedut air dr dim peri gi atau utk menyembur racun.                                                                                                                                                                |
| 4    | Gostan    | KDP | gostan [gos.tan]<br><i>bb ktt</i> (bkn kenderaan dsb) bergerak dgn cara mengundur                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
| 5    | Romen     | KDP | romen [ro.men]<br><i>adj</i> 1 berkaitan dgn perbuatan yg membawa kpd hubungan jenis: <i>adegan romen</i> ; ♦ <i>cerita romen</i> ; <i>kt</i> 2 lihat meromen;<br><i>beromen</i> [bə.ro.men] <i>ktt</i> melakukan perbuatan bermesra-mesra yg membawa kpd terjadinya hubungan jenis: Pasangan kekasih itu ditangkap ketika sedang beromen.<br><i>meromen</i> [mə.ro.men] <i>kt</i> [psf: diromen, romen] melakukan perbuatan yg membawa kpd hubungan jenis thp (sso): <i>Pengurusan kesal dgn isu ia meromen peminatnya.</i> |

## ANALISIS DATA

Daripada data yang dipilih dalam Jadual 1 dan 2, bahagian ini akan menganalisis dan membina maklumat etimologi kosa kata-kosa kata serapan daripada bahasa Arab dan bahasa Inggeris.

### PEMBINAAN MAKLUMAT ETIMOLOGI BAGI KATA SERAPAN DARIPADA BAHASA ARAB

Kajian Shamsul Jamili Yeob dan Lubna Abd Rahman (2023) merumuskan bahawa bahasa Arab ialah bahasa yang menjadi asas dalam pembentukan banyak perkataan dalam bahasa-bahasa dunia dan membantu proses perkembangan bahasa-bahasa tersebut. Hasil dapatan kajian mereka yang meneliti

peminjaman bahasa Mandarin, Inggeris dan Melayu daripada bahasa Arab turut membuktikan bahawa bahasa-bahasa ini mengalami pelbagai proses perkembangan hasil daripada pengaruh bahasa lain. Sejarah perkembangan bahasa Melayu sewaktu fasa moden awal juga telah memperlihatkan kebanjiran peminjaman dan penyerapan kosa kata bahasa Arab melalui kegiatan perdagangan oleh para pedagang Arab, penyebaran dakwah agama Islam serta perkahwinan campur dengan penduduk tempatan.

Tidak hairanlah mengapa sewaktu kita mengamati kosa kata bahasa Melayu yang digunakan sehari-harian mahupun yang direkodkan di dalam kamus, pasti kita akan menemukan begitu banyak kata pinjaman bahasa Arab yang terserap dalam bahasa Melayu meskipun ada yang tidak

disedari kewujudannya. Hujah ini dikukuhkan lagi dengan kajian Noor Azlina Zaidan, Muhammad Azhar Zailaini dan Wail Muin Ismail (2015) yang mendapati bahawa terdapat 1,791 perkataan pinjaman Arab dalam Kamus Dewan, iaitu 6.25% daripada keseluruhan 28,000 perkataan dalam kamus tersebut. Daripada jumlah tersebut, 1,005 perkataan (56.1%) digunakan secara umum dalam pertuturan dan penulisan bahasa Melayu masa kini. Sebanyak 708 perkataan (70.4%) telah diserap sepenuhnya tanpa mengalami perubahan fonemik dan 297 perkataan (29.6%) mengalami perubahan fonemik. Perkataan asing yang diserap sepenuhnya dalam bahasa Melayu mengalami pengekalan makna asalnya, seperti *Allah* dan *Assalamualaikum*, manakala bagi perkataan yang mengalami perubahan fonemik pula telah disesuaikan dengan sistem fonetik bahasa Melayu.

Bagi lima kosa kata yang dianalisis dalam bahagian ini, iaitu *astaga/astaganaga*, *alamak*, *alasan*, *amin* dan *bedaah*, tidak dapat dinafikan bahawa dari segi bentuk leksikal, kita dapat mengetahui dengan jelas bahawa kata ini berasal daripada bahasa Arab (misalnya *astaga/astaganaga*, *amin* dan *bedaah*), namun kata-kata seperti *alamak* dan *alasan* yang kelihatan tidak menyimpang jauh dari sistem fonologi dan bentuk leksikal kata Melayu, susah untuk mengenalinya sebagai kata serapan dari bahasa Arab. Beberapa perenggan berikut akan mencungkil sumber etimologi setiap kosa kata pinjaman yang dipilih ini.

### Astaga/Astaganaga > Astaga perlah > Astaghfirullah

Mly

Mly

Arb

## 2. Alamak

Penggunaan kata **alamak** begitu sinonim dengan perihai terkejut, mengeluh, panik atau melatah. Menurut Ahmad Mubarak, Faisal Rahman dan Fajrianor (2020), latah ialah sejenis anomali pertuturan yang berlaku secara spontan apabila seseorang terkejut atau terperanjat. Fenomena ini sangat wajar dikaji kerana ia merupakan satu bentuk variasi pertuturan yang dianggap normal, namun berpunca daripada gangguan mental (psikologi) individu. Latah merupakan satu gejala yang lazim dialami oleh masyarakat setempat, dan pada masa kini, ia turut dijadikan sebagai gaya hidup dalam hubungan sosial harian. Kata **alamak** ini lebih sering digunakan dalam bahasa lisan berbanding

## 1. Astaga/Astaganaga

Kata **astaga**, **astaga perlah** atau kadang kala disebut juga seakan-akan suatu bentuk kata ganda berentak **astaganaga** sebagaimana yang direkodkan dalam KBBI VI Daring ini sudah tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat bahasa Melayu, lebih-lebih lagi di Indonesia. Berdasarkan carian dalam MCP dan Korpus DBP, kemunculan perkataan ini tidak ditemukan dalam manuskrip Melayu lama. Daftar kemasukan terawal yang direkodkan dalam Korpus DBP adalah pada tahun 1981 dalam majalah Wanita dan dipopularkan lagi di Indonesia melalui terbitan lagu berjudul Astaga karya Ardie Wibowo pada tahun 1992.

Ungkapan **astaga perlah** yang diungkapkan oleh sebahagian penutur bahasa Melayu pula menunjukkan aspek penyerapan kosa kata bahasa Arab, iaitu **استغفر الله** **astaghfirullah** ke dalam bahasa Melayu melalui penyesuaian fonetik dan ortografi. Walaupun kata **astaghfirullah** ini pada asalnya merujuk kepada permohonan ampun dan penghapusan dosa kepada Tuhan, namun frasa ini diserap dalam bahasa Melayu menjadi **astaga/astaganaga** dan mengalami perkembangan makna yang mengekspresikan rasa terkejut, kesal dan digunakan juga semasa berleter. Secara tidak langsung, hal ini menggambarkan konteks makna yang difahami oleh pengguna bahasa Melayu itu tidak semestinya terikat dengan pandangan alam daripada bahasa sumbernya semata-mata, khususnya dalam usaha kita untuk merunuti galur etimologi katanya.

karya penulisan, bahkan carian dalam MCP juga tidak menemukan penggunaan kata ini dalam hikayat-hikayat Melayu terdahulu.

Secara etimologinya, **alamak** bukanlah suatu kata warisan daripada bahasa Austronesia purba sebagaimana yang dimuatkan dalam ACD, sebaliknya kata ini merupakan kata pinjaman daripada bahasa Arab yang diringkaskan daripada frasa **اللهم** [al.la.hom.ma] yang mengandungi makna *Wahai Allah/Oh Tuhan* dan berubah menjadi *allah mak* dengan berlakunya pengguguran suku kata *hu* pada *Allahumma* dan penambahan bunyi glotis di penghujungnya. Penggunaan frasa sebegini turut ditemui dalam lebih daripada 100 bahasa asing yang lain di seluruh dunia seperti *Oh my God!* dalam bahasa Inggeris. Kini, akhbar-akhbar

tempat kelihatan teruja apabila kata *alamak* dalam bahasa Melayu ini pula telah dimuatkan dalam kamus bahasa Inggeris, OED edisi kemas kini bagi mengekspresikan keterkejutan, kekecewaan atau kemarahan. Lihat akhbar-akhbar dan portal dalam talian yang terbit pada penghujung bulan Mac 2025 seperti akhbar Sinar Harian yang melaporkan bahawa kata **alamak**, **mat rempit**, **tapau**, **terror** antara perkataan baharu Kamus Inggeris Oxford.

Terdapat juga pandangan lain perihal etimologi kata ini yang dikatakan berasal daripada kata الله معك *Allahu ma'aka* [al.ta.ho.maʕka] ertinya *Allah bersamamu* sebagaimana yang dinyatakan oleh Amat

Johari Moain dan Wan Mohd Saophy Amizul Wan Mansor (2016). Namun, pandangan ini sebenarnya agak janggal jika dinilai dari segi kebiasaan latah dan perihal terkejutnya orang Melayu, berbeza dengan kata *Allahumma* yang dilihat lebih neutral dan realistik kerana pada kebiasaannya *Allahumma* ini menjadi frasa mukadimah bagi selawat, zikir dan doa. Justeru, konteks penggunaan kata *alamak* juga tidak sepenuhnya terikat dengan makna asal bagi frasa *Allahumma* dalam bahasa sumbernya, bahkan telah beradaptasi maknanya dengan konteks yang difahami oleh pengguna bahasa Melayu.

### Alamak > Allah Mak > Allahumma

Mly

Mly

Arb

#### 3. Alasan

Kata **alasan** ini mempunyai tiga makna yang utama, iaitu: (1) hal atau sebab yg menjadi pendorong sesuatu tindakan; (2) asas atau dasar yang kukuh untuk menyokong sesuatu tindakan, keputusan dan sebagainya; dan (3) sesuatu yang dijadikan sebagai alas. Pemaknaan kata **alasan** dengan makna pertama dan kedua ini sebenarnya bukanlah berasal daripada bahasa Melayu, sebaliknya pemahaman ini berakar melalui peminjaman kata daripada bahasa Arab, iaitu عشان *'alashan* [ʕlaʃan] atau dalam dialek yang lain disebut juga sebagai عشان *'ashan* [ʕʃan].

Kata عشان *'alashan* ini pula terbentuk melalui penggabungan dua kata, iaitu عَلَى (ʕalā) + شَأْن (ʃaʔn) yang bermaksud *kerana*, *sebab* atau *demi*. Manakala bagi kata alasan dengan makna ketiga pula bukanlah satu bentuk peminjaman, sebaliknya ia merupakan kategori kata warisan yang terbit daripada kata alas melalui pengimbuhan akhiran *-an*. Sehubungan dengan itu, dapatlah dirumuskan bahawa kata alasan yang mengalami perubahan bunyi [ʃ] kepada [s] dalam bahasa Melayu dengan pengertian pertama tadi merupakan kata pinjaman daripada bahasa Arab yang digunakan seiring dengan kata *sebab* dan *asbab*.

### Alasan > 'Alashan > 'Ala Sha'ni

Mly

Arb

Arb

#### 4. Amin

Penggunaan kata **amin** ini lazimnya didengari sewaktu berdoa dan bersemoga. Menurut Zulkifli Mohamad al-Bakri (2014) *Amin* bermaksud: Perkenankanlah. Ia adalah kalimah doa yang bukan daripada al-Quran al-Karim dengan ijma'. Hal ini berdasarkan kepada dalil bahawa ia tidak ditulis dalam mushaf. Ibn al-Anbari bersetuju dengan pendapat di atas, katanya: *Amin* adalah termasuk kumpulan *isim fi'il*, iaitu kata nama yang membawa

maksud perbuatan yang memberi makna: *Ya Allah, perkenankanlah doa kami*. Walau bagaimanapun, dalam bahasa Melayu, kata **Amin** ini juga digunakan oleh penuturnya ketika bersalaman dengan seseorang, khususnya apabila menyuruh anak-anak kecil bersalaman dan mencium tangan orang dewasa atau yang lebih berusia. Hal ini jelas membuktikan bahawa perkembangan makna baharu boleh terhasil bersumberkan konteks yang difahami oleh pengguna bahasa Melayu meskipun tidak digunakan dalam bahasa sumbernya.

### Amin > Amin

Mly

Arb

#### 5. Bedaah

Kata **bedaah** ini boleh ditemui dalam dialog harian para penutur bahasa Melayu di Kelantan dan Terengganu bagi menandakan perbuatan yang berlebih-lebihan, melampau-lampau atau berkaitan

jumlah yang tidak dapat dihitung. Sebenarnya, kata ini merupakan pinjaman daripada bahasa Arab, iaitu بدعة [bidʕah] yang dari segi bahasanya bermaksud rekaan dan dari segi istilah agama Islamnya merujuk kepada perkara baharu dalam agama yang tidak mempunyai contoh atau bandingan (Portal Majlis

Agama Islam Selangor 2023). Berdasarkan konteks makna yang digunakan oleh penutur bahasa Melayu dan makna sebenar bagi kata *bid'ah* dalam bahasa Arab tadi, jelaslah berlaku perbezaan makna yang ketara antara bahasa peminjam dan bahasa sumber. Justeru, fenomena ini membuktikan bahawa

pengabsahan kata pinjaman tidak seharusnya dilihat pada persamaan makna dan pandangan alam dalam bahasa sumber/asal semata-mata, bahkan perlu mengambil kira makna yang difahami dan diberikan oleh penutur bahasa Melayu secara pragmatik.

### Bedaah/Bedooh > Bid'ah

Mly

Arb

#### PEMBINAAN MAKLUMAT ETIMOLOGI BAGI KATA SERAPAN DARIPADA BAHASA INGGERIS

Fasa pascakolonial dalam perkembangan sejarah bahasa Melayu sebagaimana yang diperiodisasikan oleh Collins (2005). Pelabelan fasa pascakolonial sebegini bukanlah bersifat eurosentrik, bahkan merupakan sudut pandang yang berpijak kepada realiti perubahan zaman yang meninggalkan impak begitu mendalam terhadap perkembangan bahasa Melayu. Hal ini dikuatkan lagi dengan dapatan kajian Stefanie Pillai (2006) yang mengklasifikasikan bahasa Inggeris Malaysia sebagai bahasa Inggeris baharu bersama dengan variasi pascakolonial bahasa Inggeris lain seperti bahasa Inggeris India dan Singapura. Variasi ini berkembang sejak bahasa Inggeris dibawa masuk, dalam kebanyakan kes oleh pihak British. Menurut Stefanie Pillai (2006), hubungan sejarah mereka dengan Britain – dan dalam beberapa kes berkaitan dengan Amerika – telah membezakan variasi ini daripada konteks bahasa Inggeris sebagai bahasa asing. Meskipun istilah bahasa Inggeris Malaysia terkadang digunakan untuk merujuk hanya pada bentuk bahasa Inggeris lokal dan terkadang disebut sebagai Manglish, iaitu sejenis bahasa hibrid Inggeris-Melayu yang biasa berlaku di Malaysia dan Singapura, istilah ini sebenarnya merupakan suatu istilah umum bagi semua jenis bahasa Inggeris yang digunakan di Malaysia. Baik bentuk bahasa Inggeris terpelajar mahupun bentuk bahasa Inggeris tempatan atau bahasa harian yang digunakan di Malaysia, tergantung kepada konteks dan orang yang diajak berbual.

Jika merujuk kepada lima contoh kata serapan dari bahasa Inggeris yang dipilih, iaitu **bekwah**, **basteng**, **gohek**, **gostan** dan **romen**, kata-kata ini ada yang kita mampu mengecamnya dengan mudah adalah dipinjam dari bahasa Inggeris (misalnya **gohek**, **gostan** dan **romen**) manakala kata seperti **bekwah** dan **basteng** yang bunyinya berasimilasi dengan sebutan lidah tempatan, sukar dikenal pasti merupakan kata pinjaman dari bahasa Inggeris.

Berikut merupakan kupasan terperinci sumber etimologi kata-kata tersebut.

#### 1. Bekwah


Kata **bekwah** ini dituturkan oleh penutur bahasa Melayu di bahagian Pantai Timur Semenanjung Malaysia dan Selatan Thailand. Secara etimologinya, kata ini terbit daripada gabungan dua buah perkataan, iaitu “*big*” dan “*work*” dalam bahasa Inggeris. Sebagai sebuah kata adjektif, kata “*big*” pertama kali ditemukan terutama dalam tulisan-tulisan dari Inggris utara dan Midlands utara pada tahun 1300-an, dengan erti kuat/gagah dan dari sumber Skandinavia (bandingkan dengan *bugge* dalam bahasa Norwegia yang bererti orang besar). Manakala, bahasa Inggeris kuno menggunakan kata *micel* dalam banyak pengertian yang sama. “*Big*” mulai digunakan secara umum sekitar tahun 1400 dengan makna berukuran besar sama ada dari segi kedewasaan mahupun pertumbuhan. Selain itu, kata “*big*” ini juga boleh bermaksud penting, berpengaruh dan berkuasa sekitar tahun 1400 dan turut berkembang kepada angkuh, sombong, penuh kebanggaan pada tahun 1570-an yang kemudiannya membawa makna murah hati dalam bahasa sehari-hari di Amerika Serikat pada tahun 1913.

Etimologi kata “*work*” pula dapat ditemui dalam bahasa Inggeris abad pertengahan *werk*, daripada Bahasa Inggeris Kuno “*weorc*”/ “*worc*” yang bermaksud suatu perbuatan, sesuatu yang dilakukan, tindakan (sama ada secara sukarela atau dikehendaki), urusan, perniagaan; juga sesuatu yang dibuat atau dihasilkan, hasil kerja serta kerja fizikal, kepayahan; kemahiran pertukangan, kraf, atau pekerjaan; peluang untuk menggunakan tenaga kerja dengan cara yang berguna atau menguntungkan; juga “kubu pertahanan tentera.” Perkataan ini direkonstruksi daripada bahasa Proto-Jermanik \**werka-* yakni kerja daripada bentuk berimbuhan akar PIE \**werg-* “melakukan” yang dibuktikan seawal sekitar tahun 1200, begitu juga dengan maksud “kerja ilmiah” dan “kerja seni” atau hasil karyanya. Maksud khusus “sulaman, jahitan, jahitan

jarum” adalah dari akhir abad ke-13. Pengertian yang merujuk kepada tenaga kerja sebagai komoditi yang boleh diukur pula ditemui sekitar tahun 1300 (Etymonline t.th.).

Setelah merunuti maklumat etimologi daripada kedua-dua kata tersebut, dapatlah dipastikan bahawa penggabungan kedua-dua kata asing ini telah membentuk kata **bekwah** dalam bahasa Melayu yang memerihalkan kerja-kerja kenduri untuk meraikan perkahwinan, kesyukuran atau kenduri

arwah. Secara logiknya, penggunaan kata bekwah (*big+work*) ini menggambarkan betapa besar dan banyaknya gerak kerja kenduri sehingga memerlukan kerjasama orang lain bagi menjayakannya. Dalam hal ini, peminjaman frasa *big work* daripada bahasa Inggeris ini mengalami penyempitan/pengkhususan makna kepada pelaksanaan kerja kenduri kendera sebagaimana yang difahami oleh penutur bahasa Melayu di Pantai Timur Semenanjung Malaysia.




## 2. Basteng (Bus + Stand)

Secara umumnya, kata **basteng** ini difahami oleh penutur bahasa Melayu sebagai hentian bas, namun di sebelah Terengganu dan Pahang, khususnya Kuantan, kata basteng ini merupakan suatu julukan bagi gaya berpakaian atau tingkah laku budak rempit atau remaja yang nakal. **Basteng** merupakan salah satu contoh kata pinjaman asing yang dimelayukan dan diberikan pengertian baharu berdasarkan konteks makna yang difahami oleh pengguna bahasa Melayu kerana lazimnya golongan remaja yang nakal akan selalu ditemui melepak di hentian bas (**basteng**) dengan gaya berpakaian mereka yang tersendiri, maka daripada itulah tercetusnya julukan basteng dalam memerihalkan gaya pakaian dan tindakan. Jika ditelusuri sejarah kata ini pada awalnya, kata basteng yang terdiri daripada gabungan *bus* dan *stand* ini kedua-duanya diambil daripada bahasa

Inggeris, memandangkan negara kita pernah sekian lama dijajah oleh Inggeris.

Rekod terawal kemunculan kata *bus* adalah pada tahun 1832 dan merupakan singkatan bahasan bagi kata *omnibus* yang merujuk kepada kereta kuda awam. Kata nama Inggeris moden ini hanyalah akhiran datif jamak dalam Bahasa Latin. Frasa *To miss the bus* (terlepas bas) dalam erti kiasan terlepas peluang yang digunakan sekitar tahun 1901, dalam Bahasa Inggeris Australia (kamus OED merekodkan kiasan *miss the omnibus* dari tahun 1886). Manakala *stand* pula berasal daripada bahasa Inggeris Pertengahan *stonden*, *standen* yang berakar daripada bahasa Inggeris Kuno *standan* bermaksud menempati sesuatu tempat; berdiri teguh; membeku; kekal, berterusan, menetap; sah, berlaku; menentang, menahan serangan; berdiri, berada di atas kaki sendiri; terdiri daripada, berjumlah” (kata kerja kuat kelas VI; kala lampau *stod*, partisipel lampau *standen*) (Etymonline t.th.).



## 3. Gohek

**Gohek goston** bukanlah sekadar dialog rekaan dalam filem Tiga Abdul karya P. Ramlee yang menggambarkan sebagai sebuah negeri Gohek Goston yang “dekat-dekat dengan negeri setan”. Sebaliknya, perkataan ini menjadi saksi yang petah dalam mencerminkan aspek penyerapan bahasa

asing ke dalam bahasa Melayu. Menurut rekod Etymonline (t.th.), menjelang tahun 1840, kata *go-ahead* (kata sifat) yang membawa maksud bersifat mendorong atau giat daripada frasa kerja *go ahead* (kata kerja + kata keterangan). Ungkapan *go ahead* sebagai perintah atau kebenaran untuk meneruskan sesuatu tindakan yang berasal daripada tahun 1831 dalam bahasa Inggeris Amerika.

**Gohek**  
Mly

>

**Go-ahead**  
Ing Amr (1831) Ing (1840)

#### 4. Gostan

Sering kali kita mendengar kata **gostan** digunakan untuk menyuruh seseorang/sesuatu mengundur ke belakang. Sebenarnya, **gostan** ialah kata pinjaman berkaitan istilah nautika dalam bahasa Inggeris *go astern* yang bermaksud undur balik atau pergi ke arah belakang bagi sesebuah kenderaan, terutamanya dalam konteks di dalam kapal. Di Malaysia dan Singapura, **gostan** biasanya digunakan sebagai istilah slanga untuk terbalik atau mundur, khususnya apabila merujuk kepada kenderaan. **Gostan** ialah contoh Manglish yang jelas, misalnya ketika seseorang meminta rakannya untuk mengundurkan kereta, dia berkata *Boleh gostan lagi kereta tu* atau *gostan balik kat tempat mula-mula tadi tu*.

Berdasarkan rekod Etymonline (t.th.), pada awal abad ke-13, *astern* merujuk kepada bahagian belakang kapal, iaitu tempat terletakinya kemudi dan cewang kemudi dan peralatan pengemudian kapal. Kata *astern* ini pula berasal daripada sumber Scandinavia, seperti perkataan Norse Kuno *stjorn* yakni pengemudian atau terbit daripada kata *styra* bererti memandu (kata kerjanya *steer*). Perkataan ini juga mungkin berakar daripada bahasa Frisian Kuno *stiarne*, iaitu cewang kemudi yang juga berkaitan dengan *steer*. Secara kolokialnya, ia digunakan untuk merujuk kepada bahagian belakang haiwan dan digunakan juga secara kasar bagi merujuk kepada bahagian belakang manusia menjelang tahun 1570-an. Istilah *stern-wheel* bagi sebuah kapal wujud menjelang tahun 1816; manakala *stern-wheeler* dalam bahasa Inggeris Amerika dikenali sebagai sejenis bot wap yang wujud menjelang tahun 1855.

**Gostan** > **Go astern** (go + a- “on” + stern)

Mly

Ing (Abad ke-16)

**Stern**

>

**Stjorn / Styra**

> **Stiarne**

Ing (Abad ke-13)

Scan

Old Fris

#### 5. Romen

Selanjutnya, perkataan **romen** yang sering dianggap kerana tabu berunsur lucah oleh sebahagian orang ini bukanlah berakar pemaknaannya daripada hal sedemikian. Sebaliknya jika ditelusuri etimologinya, kata ini diambil daripada bahasa Inggeris *romance* yang memerihalkan percintaan. Etymonline (t.th.) merekodkan bahawa kemunculan kata ini berlaku lebih awal lagi, iaitu sekitar tahun 1300, kata *romance* ini dikenali sebagai *romaunce* yakni sebuah cerita dalam bentuk sajak, sama ada ditulis atau diungkapkan secara lisan dalam mengisahkan pengembaraan seorang kesatria, wira dan sebagainya untuk tujuan hiburan. Kata *romaunce* ini pula berasal daripada bahasa Perancis Kuno *romanz* yang membawa erti naratif sajak (dalam bahasa Perancis Moden *roman*) yang juga bermaksud bahasa rakyat. Pada asalnya, ia adalah kata keterangan dalam bahasa vernakular daripada frasa kata kerja Latin Vulgar *romanice scribere* menulis dalam bahasa Romant, iaitu bahasa yang berkembang daripada Latin dan bukannya Frankish, daripada perkataan Latin *Romanicus* berkenaan atau dalam gaya Rom, daripada *Romanus* “orang Rom” (lihat *Roman*).

Evolusi makna ini terjadi kerana pengaruh kisah-kisah vernakular zaman pertengahan (berbanding teks Latin) yang lazimnya menceritakan pengembaraan kesatria yang penuh dengan babak-babak yang menakjubkan dan aksi-aski berani. Ejaan dengan *-aunce*, *-ance* sebegini telah pun diterima pakai sejak awal lagi dalam bahasa Inggeris, mungkin atas analogi kata nama abstrak. Merujuk kepada karya sastera dalam bahasa Inggeris pertengahan, genre *romance* ini sering kali merujuk kepada karya yang ditulis dalam bahasa Perancis, tetapi turut juga digunakan untuk hasil karya tempatan. Kemudiannya, barulah makna sastera ini diluaskan menjelang tahun 1660-an kepada cerita cinta, kelas sastera yang terdiri daripada cerita cinta dan fiksyen romantik. Makna yang bersifat imaginatif dan penuh pengembaraan pula direkodkan menjelang tahun 1801; manakala makna hubungan cinta pula direkodkan menjelang tahun 1916. *Romance novel* dibuktikan kewujudannya menjelang tahun 1820. Malangnya, adegan romantis ala Barat yang dipentaskan atau ditayangkan dalam filem itu dianggap sebagai tabu oleh pengguna bahasa Melayu dan bercanggah dengan nilai kemelayuan mereka sekali gus kata *romen* setelah dimelayukan itu memberikan

makna yang buruk dan mengandungi unsur lucu. Justeru, jelaslah kini bagaimana peralihan daripada kisah sastera keperwiraan pada awalnya itu boleh membabitkan kepada erti percintaan lalu disebabkan

oleh perbezaan budaya dalam kalangan pengguna bahasa, pemaknaan kata **romen** ini kemudiannya mencerminkan unsur kelucahan dan menjadi tabu.

**Romen > Romace > Romaunce/Romauns > Romanz > Romanicus**  
Mly Ing Ing (1300s) Prc Ltn

#### PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, kajian ini telah memenuhi kedua-dua objektif utamanya, iaitu untuk mengenal pasti penyerapan kosa kata asing dan merangka maklumat etimologi bagi sepuluh kata pinjaman terpilih. Analisis terhadap lima kata serapan bahasa Arab (**astaga/astaganaga, alamak, alasan, amin** dan **bedaah**) dan lima kata serapan bahasa Inggeris (**bekwah, basteng, gohek, gostan** dan **romen**) telah mendedahkan satu dapatan utama yang signifikan, iaitu kesemua kata pinjaman ini telah mengalami penyimpangan atau evolusi makna daripada bahasa sumbernya baik bahasa Inggeris mahupun bahasa Arab. Dapatan kajian ini secara jelasnya membuktikan bahawa fenomena penyerapan kosa kata asing bukanlah satu proses pemindahan linguistik yang pasif. Sebaliknya, ia merupakan satu proses adaptasi yang aktif, dinamik dan kreatif oleh komuniti penutur bahasa Melayu. Penutur bahasa Melayu tidak sekadar meminjam, bahkan telah memeribumkan kosa kata asing ini dengan memberikan pancangan makna baharu yang selari dengan konteks sosiolinguistik, budaya dan konteks pragmatik tempatan. Justeru hal ini tidak wajar dianggap sebagai suatu kemiskinan kata atau berbahasa rojak.

Pola peminjaman kosa kata asing dalam kajian ini mendedahkan dua jalur utama yang dipengaruhi oleh sejarah pertembungan budaya yang panjang dan pengadaptasian dengan konteks budaya penutur bahasa Melayu. Bagi kosa kata serapan bahasa Arab seperti **astaganaga, alamak, alasan, amin** dan **bedaah**, pola peminjaman katanya cenderung melalui proses asimilasi pragmatik yang disebabkan oleh pengaruh agama Islam. Walaupun pada asalnya kata-kata ini berakar daripada istilah keagamaan dan ketuhanan seperti *Allahumma* dan *Astaghfirullah*, namun sisi penggunaannya dalam bahasa Melayu telah mengalami perluasan makna kepada ekspresi emosi harian seperti terkejut, panik atau kesal. Pola ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu tidak hanya memeribumkan (memelayukan) sebutan fonetiknya, bahkan turut melakukan penyesuaian kontekstual bagi istilah yang sakral dalam bahasa

sumber tersebut dan dijinakkan menjadi bahasa basahan yang dinamik.

Manakala bagi kosa kata serapan bahasa Inggeris seperti **bekwah, basteng, gohek, gostan** dan **romen**, pola peminjaman katanya pula memperlihatkan fenomena asimilasi fonetik dan perkembangan makna baharu yang beracukan budaya dalam bahasa peminjam. Data menunjukkan bahawa kata-kata ini sering mengalami perubahan bunyi yang ketara sehingga berasimilasi dengan dialek daerah, seperti *big work* menjadi **bekwah** di Pantai Timur. Pola ini mencerminkan kreativiti dwibahasa penutur yang menyesuaikan istilah teknikal atau umum seperti istilah nautika *go astern* ke dalam konteks kehidupan seharian seperti mengundurkan kenderaan. Menariknya, terdapat juga pola penyimpangan makna yang dipengaruhi oleh budaya lepak atau pergaulan sosial, seperti evolusi *bus stand* menjadi **basteng** yang merujuk kepada gaya berpakaian budak rempit atau subbudaya golongan masyarakat tertentu yang gemar melepak. Secara tidak langsung, fenomena ini turut membuktikan bahawa cita rasa pengguna bahasa ternyata lebih dominan berbanding struktur fonetik dan makna dalam bahasa sumber.

Gagasan penting yang ingin diketengahkan dalam makalah ini ialah pengusulan pedoman etimologi ketujuh, sebagai penambahbaikan kepada enam pedoman berharga yang digagaskan oleh Collins (2003) dalam usaha merunuti maklumat etimologi. Pedoman baharu ini menegaskan bahawa pengabsahan kata pinjaman tidak seharusnya dilihat pada persamaan makna dan pandangan alam dalam bahasa sumber semata-mata, bahkan perlu mengambil kira makna yang difahami dan diberikan oleh penutur bahasa Melayu secara pragmatik. Implikasi daripada cadangan ini adalah besar, khususnya kepada bidang leksikografi dan perancangan bahasa. Hal ini dikatakan demikian kerana, pedoman ini menggesa para ahli leksikografi dan etimologi untuk beralih daripada hanya menyuaipadankan makna kata pinjaman dengan makna kata dalam bahasa sumber semata-mata kepada pendekatan deskriptif-pragmatik yang turut mengabsahkan realiti penggunaan bahasa dalam komuniti.

## KESIMPULAN

Secara tuntasnya, kajian ini mengesahkan bahawa bahasa Melayu terus hidup dan berkembang melalui penyerapan kreatif. Kata-kata seperti **astaganaga** dan **gohek gostan** bukanlah pencemar bahasa, tetapi monumen hidup yang merekodkan sejarah pertembungan budaya dan kreativiti kolektif penuturnya. Oleh hal yang demikian, sebarang analisis etimologi pada masa hadapan wajar mempertimbangkan pedoman etimologi yang dicadangkan ini untuk memahami evolusi bahasa Melayu secara lebih holistik dan tepat. Dalam pada itu, kajian ini turut memperlihatkan bahawa penyerapan kosa kata asing dalam bahasa Melayu merupakan satu proses adaptasi yang aktif, dinamik dan kreatif sesuai dengan budaya penuturnya, bukannya sekadar pemindahan linguistik yang pasif. Analisis terhadap sepuluh kata pinjaman daripada bahasa Arab dan Inggeris ini mendedahkan bahawa kesemua leksikal tersebut mengalami evolusi makna yang signifikan melalui proses asimilasi pragmatik yang disebabkan oleh pengaruh agama Islam serta asimilasi fonetik dan perkembangan makna baharu yang beracukan budaya dalam bahasa peminjam. Fenomena ini membuktikan bahawa bahasa Melayu mempunyai daya tahan yang tinggi untuk memeribumikan unsur asing agar selari dengan konteks sosiolinguistik dan keperluan pragmatik penutur tempatan, sekali gus menafikan label negatif secara semberono seperti bahasa rojak, bahasa pencuri atau pencemaran bahasa. Akhir sekali, kajian ini menegaskan kepentingan pengusulan pedoman etimologi ketujuh yang menekankan aspek pragmatik dalam usaha merunuti galur sejarah sesuatu kata. Pengabsahan kata pinjaman tidak seharusnya terikat kepada persamaan makna dengan bahasa sumber semata-mata, tetapi perlu mengiktiraf makna baharu yang diberikan oleh komuniti penutur sebagai sebahagian daripada warisan linguistik yang sah. Dengan mengaplikasikan lensa deskriptif-pragmatik ini, perkembangan bahasa Melayu dapat difahami secara lebih holistik sebagai sebuah monumen hidup yang merakamkan sejarah pertembungan tamadun dan evolusi pemikiran penuturnya melampaui sempadan leksikal asal.

## RUJUKAN

- Ahmad Mubarak, Faisal Rahman & Fajrianor. 2020. Latah: a clinical linguistical review. *LET: Linguistics, Literature and English Teaching Journal*. 10(1): 66-85.
- Amat Johari Moain & Wan Mohd Saophy Amizul Wan Mansor. 2016. *Kata-kata Pinjaman Bahasa Arab dalam Bahasa Melayu: Perubahan Bunyi dan Makna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bloomfield, L. 1933. *Language*. New York: Holt.
- Collins, J.T. 2003. *Mukadimah Ilmu Etimologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J.T. 2005. *Bahasa Melayu Bahasa Dunia: Sejarah Singkat*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- James T. Collins. 2018. *Mukadimah Ilmu Etimologi. - Siri Monograf Sejarah Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka. 1997. *Kamus Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2020. *Kamus Dewan Perdana*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 1975. *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Etymonline. t.th. Etymology. Online Etymology Dictionary. <https://www.etymonline.com/word/etymology> [13 November 2025].
- Kamus Besar Bahasa Indonesia VI Daring. <https://kbbi.kemdikdasmen.go.id/>
- Noor Azlina Zaidan, Muhammad Azhar Zailaini & Wail Muin Ismail. 2015. Absorption of Arabic words in Malay language. *OIDA International Journal of Sustainable Development* 08:03.
- Nurhaliza Kusuma Badsa. 2025. The truth behind rojak language in Malaysian English and Singlish of Singaporean English: code mixing and code switching phenomenon in Commonwealth countries. *JELLS: Journal of English Literature, Linguistics and Social Sciences* 1(1): 56-63. <https://jurnalunpi.org/index.php/JELLS>
- Oxford English Dictionary Online. <https://www.oed.com/?tl=true>
- Portal Rasmi Majlis Agama Islam Selangor. 2023. Bid'ah: Apa Yang Rasulullah SAW Tidak Buat. [https://main.mais.gov.my/bid\\_ah-apa-yang-rasulullah-saw-tidak-buat/](https://main.mais.gov.my/bid_ah-apa-yang-rasulullah-saw-tidak-buat/) [3 Ogos 2025].
- Shafiee, H., Mahamood, A. F., Manaf, A. R. A., Yaakob, T. K. S. T., Ramli, A. J., Mokhdzar, Z. A., Jamaluddin, J., Bajuri, M., & Ali, M. E. M. 2019. Pengaruh bahasa rojak di media baharu terhadap bahasa kebangsaan. *International Journal of Law, Government, and Communication* 4(15):141-153.
- Shamsul Jamili Yeob & Lubna Abd Rahman. 2023. Perubahan dan kehilangan bunyi Arab dalam beberapa bahasa pilihan: satu kajian etimologi bunyi Arab. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 8(12): 1-13.
- Stefanie Pillai. 2006. Introduction to Malaysian English. <https://www.oed.com/discover/introduction-to-malaysian-english/?tl=true>
- Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Harishon Radzi & Mohd Shabri Yusof. 2011. Pemeriksaan jati diri bahasa Melayu: isu penyerapan kata asing. *Jurnal Melayu* 6: 13-27.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2014. Irsyad hukum ke-6: maksud 'amin' selepas membaca surah Al-Fatihah. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.